



UITEM HARI INI DALAM SEJARAH

15 DISEMBER 1983

PENGOPERASIAN KAMPUS SEMENTARA INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) CAWANGAN JOHOR

Pada 15 Disember 1983, Institut Teknologi MARA (ITM) Cawangan Johor telah memulakan operasinya di bangunan sementara di Taman Indah, Bukit Siput, Segamat. Kampus sementara di Bukit Siput ini terletak di KM 5, Jalan Jenuang, Segamat dan telah dirasmikan oleh Y.B. Menteri Besar Johor pada ketika itu, Dato' Abd. Ajib bin Ahmad pada 1 Januari 1984. Kampus sementara ini cuma dapat menempatkan seramai 440 orang pelajar sahaja pada satu-satu masa. Memandangkan pengambilan pelajar yang semakin meningkat mengikut Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5), maka pihak ITM telah meminjam Sekolah Rendah Kebangsaan Temenggong Abdul Rahman untuk dijadikan kolej kediaman dan dikenali sebagai Kolej Temenggong Abdul Rahman.



Bangunan sementara ITM Cawangan Johor di Taman Indah, Bukit Siput, Segamat sekitar tahun 1984



Bangunan sementara ITM Cawangan Johor di Segamat Baru sekitar tahun 1986

Sumber:

- ITM Warisan Bangsa
- Melakari Peristiwa Kampus-Kampus Cawangan
- Shaping A Dream : From Dewan Latehan RIDA to UiTM 1956 -1999